

11/09/1997

Membaca hobi berfaedah

ULAT BUKU ... membaca adalah hobi yang berfaedah kerana selain mendapat ilmu pengetahuan, seseorang itu juga dapat mengisi lapang dengan perkara yang memberi manfaat.

Hobi membaca juga sepatutnya ditanam sejak kecil lagi, sesuai dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu rakyat negara ini minat membaca buku.

Bagi Suraya Aaya, 8, (kiri) dari Persatuan Kanak-kanak Cacat, Petaling Jaya walaupun terpaksa menggunakan kerusi roda dia mengambil peluang untuk membaca buku cerita sambil ditemani rakan.

Semua buku itu sumbangan Hotel PJ Hiton dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), hasil kutipan daripada orang ramai bagi mengisi perpustakaan persatuan itu.

Sumbangan disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr Fong Chan Onn kepada pengarah persatuan, Dr Mohinder Singh.

(END)